



16 FEB, 2024

42,000kg beras hancur diseludup dari negara jiran dirampas

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

42,000kg beras hancur diseludup dari negara jiran dirampas

ALOR SETAR - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mematahkan kegiatan sindiket dalam aktiviti penyeludupan beras hancur seberat 42,000 kilogram (kg) dari negara jiran di Pokok Sena pada 6 Februari lepas.

Pengarah JKDM Kedah, Nor Izah Abd Latiff berkata, sepasukan anggota dari Cawangan Penguatkuasaan Alor Setar menerima maklumat daripada orang awam dan berjaya mengesan serta mengekori

sebuah treler dengan nombor pendaftaran tempatan untuk menyeludup beras ke Malaysia.

“Treler berkenaan memasuki negara dari Thailand melalui pintu masuk Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Durian Burung pada 6 Februari dan mengikrarkan sebagai tidak bermuatan,” katanya dalam kenyataan di sini pada Khamis.

Katanya, anggota penguat kuasa telah mengekori treler berkenaan sebelum menahan

kenderaan itu di tepi jalan di Pokok Sena manakala pemandunya melarikan diri dan gagal diberkas.

“Hasil pemeriksaan...di-temukan sejumlah 840 beg guni berisi beras hancur seberat 42,000 kg. Anggaran nilai rampasan berjumlah RM105,000,” katanya menambah beras hancur tersebut dipercayai untuk dicampur dengan beras tempatan atau beras yang diimport bagi mengaut keuntungan lebih. - *Bernama*



16 FEB, 2024

42,000kg beras hancur diseludup dari negara jiran dirampas

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

ALOR SETAR - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mematahkan kegiatan sindiket dalam aktiviti penyeludupan beras hancur seberat 42,000 kilogram (kg) dari negara jiran di Pokok Sena pada 6 Februari lepas. Pengarah JKDM Kedah, Nor Izah Abd Latiff berkata, sepasukan anggota dari Cawangan Penguatkuasaan Alor Setar menerima maklumat daripada orang awam dan berjaya mengesan serta mengekori

sebuah treler dengan nombor pendaftaran tempatan untuk menyeludup beras ke Malaysia.